

24 FEB 1999

Sabah-Pemerhati

SABAH TIDAK AKAN BENARKAN PEMERHATI ANTARABANGSA

KOTA KINABALU, 24 Feb (Bernama) -- Kerajaan Negeri Sabah tidak akan melayan permintaan parti pembangkang yang mahukan pemerhati antarabangsa memantau pilihan raya negeri yang dijadualkan pada 12 dan 13 Mac ini, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Osu Sukam hari ini.

Menurut beliau lagi, kehadiran pemerhati antarabangsa itu akan menjejaskan imej negara.

"Proses pilihan raya di negara ini sudah diiktiraf sebagai antara yang terbaik berbanding di sesetengah negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pecah tanah projek perumahan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sabah (SEDCO) di Lok Kawi, dekat sini.

Osu berkata, pembangkang menggunakan pelbagai cara termasuk yang tidak munasabah bagi menarik perhatian rakyat menjelang pilihan raya negeri.

Semalam, Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan mencadangkan agar pemerhati antarabangsa dibenarkan memantau perjalanan pilihan raya negeri.

Menurut Pairin, langkah itu akan memastikan ketelusan pilihan raya itu yang seterusnya meningkatkan keyakinan orang ramai dalam proses pemilihan itu.

Sementara itu Osu yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah berkata, beliau akan bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad lewat petang ini di Kuala Lumpur bagi membincangkan soal calon parti itu pada pilihan raya negeri kali ini.

-- BERNAMA

JS PR